

Oleh MOHD HAFIZEE  
MOHD AROP

hafizee@mediaprima.com.my

**V**ideo dimuat naik di laman YouTube mengenai tindakan samseng sekumpulan pelajar membelasah ketua kelas di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang beberapa bulan lalu, kembali menarik perhatian kita bahawa masih wujud kes buli di sekolah.


Buli dalam kalangan pelajar bukan perkara baru, bahkan pelbagai insiden dilaporkan sebelum ini dan ia merebak mengikut peredaran semasa.

Melalui Deklarasi Kandersteg yang ditandatangani di Switzerland pada 2007, dianggarkan 200 juta murid sekolah di seluruh dunia menjadi mangsa buli atau dera oleh rakan sebaya.

Kajian itu juga menyebabkan warga pendidik di seluruh dunia sepakat untuk memulakan usaha pencegahan buli seawal mungkin.

Namun usaha ini belum cukup dan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tahap kes buli di negara ini, Kafe Ahad menemui Profesor Adjung di Kolej Universiti HELP, Prof Dr Noran Fauziah Yaakub yang pernah melakukan kajian rintis program Intervensi Buli.

**SOALAN**  Apakah yang dimaksudkan dengan buli?

**JAWAPAN**  Buli bermaksud perbuatan mengasari orang yang lemah

nya, perbuatan membuli berlaku pada minggu keenam selepas permulaan sekolah. Murid baru sering menjadi mangsa, seperti murid tingkatan satu di sekolah menengah atau yang baru berpindah sekolah. Ia mencadangkan pembuli mengambil masa untuk mengenal pasti siapa boleh dijadikan sasaran untuk dibuli.

**2 Kes buli selalunya membabitkan remaja lelaki. Adakah ia turut berlaku kepada remaja wanita?**

**1** Ramai beranggapan perbuatan buli hanya membabitkan pelajar lelaki, tetapi anggapan itu silap kerana pelajar perempuan turut terbabit. Biarpun peratusannya sedikit, perkara itu mampu mendorong kepada perbuatan serius jika tidak dibendung.

Buli di kalangan pelajar perempuan biasanya membabitkan ejekan mengenai keadaan fizikal. Contohnya jika pelajar perempuan berbadan gemuk dan berkulit gelap, mereka menjadi sasaran ejekan, namun perbuatan buli di kalangan pelajar perempuan tidak terlalu ganas seperti pelajar lelaki.

**2 Adakah statistik kes buli di negara ini pada tahap membimbangkan?**

**1** Ini bergantung kepada apa yang kita maksudkan dengan tahap membimbangkan. Kalau kita ambil kriteria diberi Profesor Olweus, perintis dalam kajian buli dari Norway, jika insiden buli mencapai 10 peratus, ia dianggap membimbangkan. Dalam kajian saya ke atas murid sekolah rendah dan menengah, kes buli melebihi

# Gejala buli perlu dikekang

## Saksi, guru dan ibu bapa harus berani memainkan peranan bagi menghindari kegiatan membuli

19/5/13 Metro MS 28



dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung menjadikan mereka yang lemah mematuhi atau menghormati mereka yang kuat.

Ada maksud lain menyatakan buli bermaksud tingkah laku agresif, sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal, yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni.

Secara keseluruhan, membuli adalah perbuatan tidak baik dan boleh mem-buatkan orang lain menjadi mangsa serta mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.

**❓ Apakah punca berlakunya kes buli di kalangan pelajar sekolah?**

**!** Banyak sebab. Dalam kajian saya, kebanyakan murid mengatakan 'untuk seronok-seronok'. Lazim-

hi 10 peratus. Buli berlaku di luar pandangan guru.

Oleh itu, secara zahirnya kita tidak menyedari perbuatan itu berlaku kerana sangat sedikit insiden buli dilaporkan, terutama buli bukan fizikal. Secara perbandingan, buli fizikal lebih rendah daripada bukan fizikal.

Bagi buli bukan fizikal pula, paling banyak berlaku ialah buli bahasa seperti mengejek dan menggelar nama yang kebanyakan murid tidak menyedari ia termasuk dalam definisi buli.

**❓ Apakah kesan yang akan berlaku kepada mangsa jika menjadi mangsa buli?**

**!** Dalam kajian saya, kebanyakan murid mengatakan mereka merasa marah. Bagi murid seperti ini, dua kemungkinan akan berlaku, iaitu mereka akan melawan orang yang membuli mereka atau jika takut



berbuat demikian, mereka akan mencari mangsa lebih muda atau lemah daripada mereka untuk dibuli.

Ada juga kita lihat kes di luar negara di mana murid jenis ini akan membalas dendam dengan menembakan rakan dan juga guru. Mereka yang membalas dendam kepada guru mengatakan, guru tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap kes mereka.

Kedua, ada murid merasa sedih dan murung. Bagi murid seperti ini, mereka menarik diri daripada berinteraksi dengan rakan sebaya. Ketiga, tindakan kena buli menyebabkan separuh mangsa menjadi lemah semangat, rendah harga diri dan hilang keyakinan diri.

**❓ Apa sepatutnya dilakukan mangsa selepas dibuli?**

**!** Mangsa patut melaporkannya kepada guru